

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 26 JUN 2013, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1311-L53712
Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Haji Ahmad [Mersing] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) adakah Kerajaan akan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang menggunakan perkataan RAKYAT semata-mata untuk melahirkan rasa tidak berpuas hati mengenai keputusan PRU 13; dan
 - (b) adakah rasa tidak puas hati ini akan menjadi pencetus kepada 'MALAYSIAN SPRING' di mana keputusan untuk membentuk Kerajaan/pemerintah ditentukan di jalan raya dan bukan di peti undi.
2. PR-1311-L54307
Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha, kejayaan dan halangan terhadap "pendamaian nasional" sejak Pilihan Raya Umum ke-13 pada 5 Mei.
3. PR-1311-L53183
Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :
 - (a) apakah langkah terbaru Kementerian dalam menanam semangat perpaduan dan cintakan negara di kalangan pelajar; dan
 - (b) apakah Kerajaan berhasrat melaksanakan semula Sekolah Wawasan.
4. PR-1311-L54661
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengesan, menyiasat dan mendakwa anggota-anggota polis yang bertindak ganas terhadap kes-kes kematian dalam tahanan polis.

5. PR-1311-L53094
Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan :-
 - (a) tahap penerimaan rakyat terkini ke atas konsep 1Malaysia; dan
 - (b) tahap penerimaan rakyat bukan Melayu terkini ke atas konsep 1Malaysia
6. PR-1311-L54646
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dasar dan formula penyelesaian tuntutan bertindih oleh beberapa negara di Laut China Selatan. Apakah pendirian negara China dan faktor-faktor yang timbul.
7. PR-1311-L53600
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian memantau penjualan ubat-ubatan secara talian (*online*) memandangkan ada laporan mengenai syarikat yang menjual ubatan seperti anabolic steroid kepada pengguna-pengguna internet secara langsung.
8. PR-1311-L53098
Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kos yang ditanggung oleh Kerajaan setakat ini dalam menangani isu pencerobohan di Lahad Datu. Berapakah orang yang terkorban dan kerugian harta benda yang terlibat.
9. PR-1311-L54878
Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kadar jenayah indeks bagi bandar raya Kuala Lumpur terutama kawasan Parlimen Setiawangsa bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan enam bulan pertama tahun 2013.
10. PR-1311-L54254
Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kaedah untuk membantu peniaga-peniaga kecil Bumiputera untuk mengembangkan peniagaan dan apakah jenis pinjaman yang boleh dimohon oleh mereka.
11. PR-1311-L53241
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil agar kes lelaki rogal dan kahwin perempuan bawah umur di Sabah tidak berlaku.
12. PR-1311-L54179
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan dasar dan usaha Kerajaan untuk membangun tenaga alternatif seperti solar dan biodiesel.

13. PR-1311-L54370
Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rasionalnya membenarkan pendatang asing dengan izin (yang tidak membayar cukai di Malaysia), dan juga pelancong-pelancong asing membeli barang keperluan seperti gula, tepung, minyak, beras, elektrik, air dan lain-lain pada harga seperti yang dijual kepada rakyat Malaysia iaitu harga bersubsidi. Adakah patut mereka ini mendapat keistimewaan seperti rakyat Malaysia yang membayar cukai.
14. PR-1311-L54696
Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tindakan yang diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab terhadap:-
 - (a) keruntuhan Stadium Sultan Zainal Abidin di Terengganu, pada 20 Februari 2013 dan keruntuhan jambatan di Putrajaya pada 28 Februari 2013 ; dan
 - (b) keruntuhan tiang penyambung landasan LRT di Subang Jaya pada 30 Mac 2013 dan keruntuhan bumbung Masjid Kampung Binjai Kertas di Terengganu pada 21 Mei 2013.
15. PR-1311-L53309
Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak MCMC untuk memantau penggunaan internet dan bilakah MCMC akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang menyebarkan khabar angin palsu di Internet.
16. PR-1311-L53780
Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cabaran utama bagi mencapai sasaran Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) pada tahun 2012.
17. PR-1311-L53976
Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara jelas mengenai tempoh masa pelaksanaan usaha mentransformasi sistem pembelajaran Tingkatan 6 di seluruh negara yang pernah diumumkan tahun lalu. Bilakah agaknya rakyat dapat melihat transformasi ini berlaku di peringkat akar umbi.
18. PR-1311-L54265
Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status kini dalam merealisasikan pembinaan dua loji tenaga nuklear. Adakah pihak Kerajaan telah mengenal pasti lokasi-lokasinya dan adakah Kementerian merancang untuk mengadakan perundingan awam di kawasan- kawasan ini.

19. PR-1311-L54799
Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional melindungi orang-orang yang disyaki terlibat dengan kematian-kematian dalam tahanan polis seperti N. Dharmendran, R Jamesh Ramesh dan Karuna Nithi,dan kira-kira 150 lagi sejak tahun 2000.
20. PR-1311-L54870
Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji serta mengambil tindakan terhadap syarikat Penerbangan Air Asia yang banyak menimbulkan isu serta ketidakpuasan hati pengguna terhadap servis syarikat ini. Apa tindakan Kementerian dalam menangani isu ini.
21. PR-1311-L53534
Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
 - (a) apakah Kementerian ada cadangan untuk menyalurkan peruntukan bagi membina jalan-jalan pertanian dan perparitan yang sistematis bagi memudahkan perhubungan dan pergerakan dalam kawasan ladang bagi memudahkan pekebun mengeluarkan hasil-hasil tanaman; dan
 - (b) sekiranya ada, bagaimanakah permohonan ini boleh dibuat.
22. PR-1311-L53747
Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa kandungan Silver Nitrate dalam dakwat kekal yang digunakan dalam Pilihan raya Umum ke 13 di bawah paras 1% sedangkan piawaian asal yang ditetapkan ialah 4%.
23. PR-1311-L54749
Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berkaitan dengan pelaksanaan Projek Pembinaan Jambatan Merentasi Sungai Merbok dari Tg. Dawai ke Pantai Merdeka yang meliputi jambatan dua lorong sepanjang 2.5km.
24. PR-1311-L53917
Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendekatan pihak Kementerian dalam menyediakan keselesaan kepada penjawat awam yang terpaksa mengambil cuti untuk menjaga ahli keluarga yang sakit. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan skim cuti khas bagi tujuan tersebut.
25. PR-1311-L53766
Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah "Pan Borneo Highway" akan mula dilaksanakan.

26. PR-1311-L53827
Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak berhasrat untuk menurunkan harga minyak RON95 dan diesel.
27. PR-1311-L54504
Dato' Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai insentif dalam bentuk geran ataupun pengecualian cukai untuk menggalakkan pertumbuhan industri baru di kawasan-kawasan luar bandar.
28. PR-1311-L53136
Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah bilangan siswazah yang menganggur. Nyatakan bilangan penganggur mengikut bidang pengajian.
29. PR-1311-L53341
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaikkan taraf bahagian Lebuh raya Utara-Selatan di negeri Perak, bahagian dari Slim River ke Ipoh, dari 4 lorong yang sedia ada kepada 6 lorong memandangkan bahagian lebuh raya yang disebut itu telah menjadi sesak, terutamanya pada masa musim percutian.
30. PR-1311-L54180
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil ke atas fitnah yang dipaparkan di Facebook terhadap Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.
31. PR-1311-L54091
Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
 - (a) apakah status pengenalan dasar kecekapan tenaga nasional yang telah diumumkan oleh pihak Kementerian; dan
 - (b) sasaran penjimatkan tenaga yang ditetapkan dan tempoh masa ia akan dicapai dalam setiap jangka masa iaitu pendek, sederhana dan panjang.
32. PR-1311-L53691
Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan Sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara mengikut negeri dan apakah jenis-jenis bantuan yang Kerajaan Persekutuan berikan kepada sekolah-sekolah tersebut.

33. PR-1311-L53674
Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan khususnya PDRM mengklasifikasikan kes-kes tohmahan serta surat layang diambil kira oleh Urusetia Tatatertib PDRM sedangkan kadang-kadang surat layang itu tidak relevan serta berunsur penganiayaan. Berapakah statistik kes surat layang diambil kira oleh Urusetia Tatatertib PDRM.
34. PR-1311-L53690
Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kes jenayah, bilangan kes kematian berdasarkan tarikh, pecahan kaum, umur dan negeri di dalam tahanan PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia dan SPRM daripada tahun 2000 hingga kini dan nyatakan sebab sebenar penolakan penubuhan Suruhanjaya Aduan dan Salah Laku Polis sejak tahun 2005.
35. PR-1311-L54365
Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan justifikasi yang di buat oleh pihak Kementerian bagi memperjelaskan perlaksanaan pemberian gaji minimum yang dilihat turut diguna pakai ke atas pekerja asing.
36. PR-1311-L54580
Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil siasatan berikutan perkhidmatan Monorel Melaka yang dikendalikan oleh Menara Taming Sari Berhad yang telah digantung selama 30 hari kerana gagal memenuhi aspek keselamatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD).
37. PR-1311-L54121
Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memperkasakan Ekonomi Bumiputera haruslah lebih menyeluruh dan komprehensif untuk memastikan Bumiputera sentiasa berdaya saing. Apakah usaha Perdana Menteri yang akan dilaksanakan untuk melakarkan tindakan TRANSFORMASI yang lebih menyeluruh dan efektif untuk memperkasakan golongan Bumiputera dalam bidang Ekonomi dan Perusahaan.
38. PR-1311-L54422
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) tarikh sebenar pembukaan KLIA2 dan nama kontraktor yang mengakibatkan kelewatan; dan
 - (b) kesan kelewatan ini terhadap keuntungan MAHB serta jumlah keseluruhan sebenar pembinaan KLIA2 dan bila audit bebas akan mula dijalankan ke atas keseluruhan projek KLIA2

39. PR-1311-L54765
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai tenaga pengajar Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) di seluruh negeri Sarawak. Apakah kriteria pemilihan mereka serta adakah guru-guru KAFA ini mempunyai kuasa dan peranan seperti guru biasa khasnya dalam menangani disiplin pelajar semasa di dalam kelas KAFA. Selain itu, adakah Kementerian merangka program latihan yang secukupnya untuk meningkatkan kompetensi mereka sebagai seorang guru KAFA.
40. PR-1311-L54470
Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa projek pembinaan Jalan Libaran Bypass, Batu 16-32, di bawah Rancangan Malaysia ke-10 (2011-2015), belum dimulakan, sedangkan 2 tahun sudah lalu sejak 2011. Nyatakan jumlah peruntukan untuk projek ini, dan berapakah yang sudah digunakan setakat ini.
41. PR-1311-L54346
Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom [Kubang Pasu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah caruman KWSP yang dibuat oleh pekerja-pekerja di sektor awam dan jumlah caruman yang dibuat oleh majikan kepada sektor-sektor awam semenjak tahun 2008 sehingga 2012. Apakah pelaburan yang dibuat oleh kerajaan melalui caruman berkaitan untuk meningkatkan pendapatan kerajaan melalui KWSP.
42. PR-1311-L54858
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah bilangan kereta yang keluar masuk kawasan Puchong melalui LDP dan KESAS setiap hari serta jangkaan kutipan tol di situ daripada masa mula konsesi sehingga tamatnya konsesi.
43. PR-1311-L54744
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- apakah perancangan Kementerian untuk membina Balai Bomba Daerah Tatau, Balai Bomba Daerah Sebauh dan Balai Bomba Kawasan Perindustrian Samalaju; dan
 - apakah perancangan Kementerian untuk menaik taraf Balai Bomba Bahagian Bintulu dengan dibekalkan jentera berkapasiti tinggi
44. PR-1311-L54264
Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah kriteria dan proses yang telah dilakukan dalam pemilihan pemaju untuk menjalankan Pembangunan Semula Kawasan Perumahan Awam Cheras DBKL sehingga Tradewinds dan SP Setia Bhd telah dipilih.

45. PR-1311-L54204
Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan petunjuk yang jelas kewujudan pasar tani mega benar-benar dapat membantu petani-petani di luar bandar dan berapa ramaikah peniaga-peniaga yang benar-benar berjaya dapat dilahirkan.
46. PR-1311-L54233
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian selaras dengan semangat rekonsiliasi yang dicadangkan Perdana Menteri akan menyediakan bantuan peruntukan kewangan untuk semua kawasan Parlimen termasuk Parlimen yang di menangi oleh Pakatan Rakyat. Jika ya, berapakah jumlah peruntukan.
47. PR-1311-L54423
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada sudah sampai masanya dalam usaha Kerajaan untuk membawa transformasi dalam bidang politik dan sosial dan terus meningkat perasaan patriotisme terhadap negara, penekanan kewarganegaraan lebih diutamakan daripada sebaliknya.
48. PR-1311-L53040
Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pembinaan Hospital Parit Buntar.
49. PR-1311-L53459
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan dapatkah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) fasa 2 dari Simpang Ukong ke pekan kecil Nanga Medamit yang dianggarkan RM 11 juta sahaja dilaksanakan pada tahun ini kerana SK Medamit dan SMK Medamit, Pejabat-pejabat Kerajaan, Klinik , kedai-kedai dan penduduk amat memerlukannya memandangkan fasa 1 sudah siap pada tahun 2012.
50. PR-1311-L53446
Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kerakyatan baru yang diberikan dalam tempoh 3 tahun lepas berbanding dengan 3 tahun sebelumnya dan daripada mana negara asal mereka.
51. PR-1311-L53620
Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kementerian ada merancang usaha menyeluruh agar sistem pentadbiran dan perundungan Majlis-Majlis Agama Islam di seluruh negara diselaraskan.
52. PR-1311-L53774
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan statistik yang telah direkodkan bagi kesalahan Seksyen 211 (Larangan Terhadap Pemberian Kandungan Jelik) dari tahun 2008 hingga 2012.

53. PR-1311-L53887

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sekiranya terdapat usaha-usaha perancangan dan pelaksanaan Kerajaan dalam memperluaskan lagi pewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman, memandangkan jika dilihat dari segi pola pendapatan, mereka ini sebahagian besar masih mempunyai tahap pendapatan yang berada di dalam garis kemiskinan berbanding masyarakat di bandar.

54. PR-1311-L53399

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah tanah persendirian di Jalan Sultan Kuala Lumpur diambil sedangkan Kerajaan pernah berjanji untuk tidak mengambil tanah persendirian yang terlibat dalam projek MRT dari Sg. Buloh-Kajang serta mengapakah pampasan tidak dibayar kepada pemilik-pemilik tanah yang mana terowong dibina bawah tanah mereka dan tidak dibenarkan pemilik membangunkan tanah sendiri sepanjang jajaran.

55. PR-1311-L53394

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kos yang telah dibelanjakan untuk program netbook dan jumlah unit komputer berkenaan yang telah dikeluarkan sejak dimulakan sehingga Disember 2012.

56. PR-1311-L54063

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) mengapakah persepsi rakyat bahawa kadar jenayah negara masih tinggi; dan
- (b) sebab-sebab utama kedudukan Malaysia merosot dari kedudukan ke-19 Global Peace Index pada tahun 2011 kepada kedudukan ke-20 Global Peace Index pada tahun 2012.

57. PR-1311-L54455

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah piawaian dan panduan yang digunakan untuk mengenal pastikan jarak zon penampang

- (a) di antara satu kawasan perusahaan petrokimia dengan kawasan kediaman; dan
- (b) untuk penduduk-penduduk yang terlibat kaji selidik dalam satu Laporan terperinci Penilaian Kesan Alam Sekitar yang berkaitan dengan industri petrokimia.

58. PR-1311-L54785

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah Harris Ibrahim, Chua Tian Chang dan Tamrin Ghafar didakwa ke Mahkamah di bawah Akta Hasutan kerana membincangkan isu berkenaan 13 Mei 1969, manakala Kerajaan membenarkan filem " Tanda Putera" yang menyelewengkan fakta sejarah ditayangkan di semua pawagam di Malaysia. Kenapakah Kementerian menggunakan "double standard" dalam isu ini.

59. PR-1311-L53205

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yang telah dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi menyiapkan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di seluruh negara dan nyatakan jumlah permohonan yang diterima setakat ini.

60. PR-1311-L53106

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa pejabat Pendidikan Manjung, Perak tidak membenarkan wakil rakyat Pakatan Rakyat menghadiri program-program sekolah. Adakah ini polisi Kementerian Pendidikan.

61. PR-1311-L53913

Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos untuk penggunaan dakwat kekal dalam Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu serta siapakah pembekal dakwat kekal tersebut.

62. PR-1311-L53526

Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah faedah langsung projek TAIP kepada penduduk dan usahawan Pekan; dan
- (b) berapakah peratusan kerja-kerja serta peluang perniagaan yang diperoleh oleh usahawan Pekan.

63. PR-1311-L53485

Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sehingga tahun 2013 apakah nisbah terkini doktor di Malaysia dan apakah tindakan alternatif yang diambil untuk mengatasi kekurangan doktor.

64. PR-1311-L54567

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan jadual masa bagi menyemak semula Dasar Automotif Nasional agar merealisasikan penurunan harga kereta antara 20 hingga 30 peratus secara berperingkat sehingga 2017.

65. PR-1311-L53417
Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah pegawai agama yang telah dilantik di hospital-hospital utama Kerajaan mengikut negeri di antara tahun 2008 hingga tahun 2013.
66. PR-1311-L53577
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani aliran kewangan yang tidak direkodkan bahawa Laporan Integriti Kewangan Global dari tahun 2001-2010 berjumlah US\$227.1 bilion.
67. PR-1311-L53757
Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah guru yang akan menyertai Program Diploma Antarabangsa Pendidikan pada tahun 2013 dan 2014, yang dikelolakan oleh United States Sports Academy dan jumlah kos untuk program ini.
68. PR-1311-L53083
Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah polarisasi kaum khususnya berdasarkan trend pengundian PRU-13 baru-baru ini serta nyatakan langkah-langkah Kerajaan terutamanya kepada golongan muda bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai persefahaman, perpaduan dan kerjasama antara kaum yang lebih jitu.
69. PR-1311-L53364
Dato' Sri Liow Tiong Lai [Bentong] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa banyak AP yang dikeluarkan pada tahun 2012. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk mengurangkan harga kereta di dalam negara.
70. PR-1311-L54597
Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah aset yang dibeli oleh pengarah-pengarah NFC menggunakan dana pinjaman RM250 juta yang telah dirampas. Senaraikan perbelanjaan bulanan NFC sejak Januari 2012 hingga Mei 2013 mengikut jenis-jenis perbelanjaan.
71. PR-1311-L53111
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) akan dikaji semula memandangkan di bawah PBS guru tidak ada masa yang cukup untuk mengajar dan PBS menyebabkan murid-murid hanya meniru daripada buku-buku teks.

72. PR-1311-L54194
Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pengundi pos dan pengundi awal dan pecahan kategori-kategorinya dan adakah Kerajaan akan mencadangkan pegawai SPR yang terlibat pada hari pengundian biasa akan dimasukkan dalam golongan pengundi awal dan bukan pengundi pos seperti sekarang.
73. PR-1311-L54293
Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana kejayaan Kempen Tak Nak Merokok di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Nyatakan statistik terbaru 'Pesalah Merokok' mengikut negeri dan jantina seperti peringkat umur bagi tahun 2010 hingga kini.
74. PR-1311-L53811
Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah saman Automatic Enforcement System (AES) telah dikeluarkan sejak perlaksanaan pada bulan September 2012 dan sila nyatakan jumlah kompaun yang telah dibayar oleh pesalah-pesalah. Apakah status kes-kes AES yang sedia ada di mahkamah.
75. PR-1311-L54617
Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyatakan jumlah pelajar yang mendapat pinjaman PTPTN yang mana pinjaman tersebut telah ditukar ke bentuk biasiswa atas sebab kecemerlangan pelajar tersebut. Nyatakan juga jumlah pecahan kaum pelajar-pelajar tersebut.
76. PR-1311-L53574
Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kematian yang berlaku di dalam lokap polis sejak tahun 2000 dan mengapakah pihak polis tidak mengambil sebarang tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut.
77. PR-1311-L53469
Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan menggalakkan persembahan kebudayaan tradisi yang tertib berbanding dengan persembahan-persembahan hiburan barat yang tidak ada kaitan dengan tradisi dan budaya tempatan.
78. PR-1311-L53360
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan rumah yang telah dibina setiap tahun daripada 2008 hingga sekarang untuk masyarakat luar bandar di bawah skim Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Bantuan Rakyat (PBR), Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M), Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA) dan program lain.

79. PR-1311-L54450
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :
- (a) apakah ada rancangan pemindahan Stesen Bas Bentayan untuk mengurangkan kesesakan trafik; dan
 - (b) adakah lokasi stesen bas baru yang dicadangkan dalam Draf Rancangan Daerah Muar masih relevan. Jika tidak, mengapa jika ya, berapakah perbelanjaan yang terlibat dan bilakah ia akan dilaksanakan.
80. PR-1311-L54533
Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setelah selesainya sesi *townhall* untuk mendapatkan input daripada rakyat, bilakah laporan akhir Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 akan dilancarkan dan mengapa ia dilewatkan walaupun enam daripada 100 inisiatif telah dilaksanakan.
81. PR-1311-L53664
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan angka jenayah di negara ini dan dasar, strategi dan langkah yang sedang dan akan dilaksanakan untuk mencegah jenayah.
82. PR-1311-L53475
Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengenai perkhidmatan Wifi di kampung tanpa wayar kerana capaian Internet amat lemah. Apakah formula kementerian dalam menentukan keperluan peralatan wifi ini dan adakah populasi penduduk diambil kira ataupun pemasangan peralatan dibuat secara standard.
83. PR-1311-L54095
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar yang dikenakan oleh Goldman Sachs yang akan menerima USD 500 juta bagi menguruskan penjualan tiga (3) bon 1 MDB sebanyak RM 29.8 bilion yang dijamin oleh Kerajaan.
84. PR-1311-L53272
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian akan meneruskan projek gelanggang futsal di setiap Parlimen dan menambah jumlah gelanggang futsal di kawasan Parlimen Sibuti terutama untuk kegunaan belia rumah panjang; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian mempunyai modul untuk melatih sukarelawan belia bagi menjaga gelanggang tersebut agar tidak terbiar.

85. PR-1311-L53739
Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah kementerian bercadang menggubal undang-undang berkaitan laman sesawang dan blog agar maklumat yang disampaikan telus dan tiada anasir-anasir memburuk dan menyemai sifat membenci kerajaan.
86. PR-1311-L54411
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos perbelanjaan Pilihan Raya Umum Ke-13, mengapa dakwat yang digunakan tidak kekal sehingga 7 hari seperti jaminan SPR, kandungan bahan-bahan kimia, tarikh luput dan tempat buatan dakwat itu, berapa botol dakwat telah digunakan mengikut negeri dan kos untuk beli dakwat tersebut.
87. PR-1311-L53519
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis-jenis bantuan pada nelayan dan apakah kriteria yang diguna pakai untuk diberikan bantuan.
88. PR-1311-L53275
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan serta kontraktor yang membekalkan dakwat kekal yang digunakan semasa Pilihan raya Umum ke-13.
89. PR-1311-L54045
Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab Kementerian tersebut masih tidak bercadang untuk memansuhkan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) walaupun mendapat bantahan daripada rakyat Malaysia.
90. PR-1311-L53658
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan supaya pindaan Akta Kesatuan dilakukan kerana banyak seksyen dalam akta tersebut tidak relevan dan boleh dipertikaikan.
91. PR-1311-L54681
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa orang di Sarawak yang masih memegang Kad Pengenalan merah atau hijau, atau langsung tidak ada Kad Pengenalan. Berapakah daripada mereka yang telah tinggal di Negeri Sarawak lebih daripada 30 tahun dan kenapa Kerajaan enggan meluluskan permohonan mereka sebagai warganegara.
92. PR-1311-L54146
Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah purata kapasiti sampah yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar setiap hari; dan

- (b) adakah Kementerian bercadang menaik taraf sistem pengurusan sisa pepejal selain menggunakan kaedah 'Thermal Treatment Plant' yang menelan kos yang tinggi.
93. PR-1311-L54981
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan suatu program "Satu Keluarga Satu Biasiswa" bagi pelajar-pelajar luar bandar terutama bagi negeri Sarawak dan Sabah.
94. PR-1311-L54961
Tuan Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam menangani masalah salah guna media sosial di negara ini.
95. PR-1311-L54914
Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh mana kemajuan pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan-Borneo yang menghubungkan Sarawak-Sabah.
96. PR-1311-L54917
Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian mengawal harga rumah yang ditetapkan oleh pemaju kerana dilihat seperti tiada kawalan langsung.
97. PR-1311-L54959
Dato' Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah yang sewajarnya diambil bagi menstabilkan harga komoditi getah agar tidak terus mengalami kejatuhan harga yang mana boleh menjelaskan pendapatan penduduk luar bandar yang kebanyakannya bergantung hasil daripada komoditi ini. Parlimen Baling mempunyai 12,133 orang pekebun kecil getah (tanah sendiri) dan 6000 orang penoreh (pawah) yang bergantung hidup atas komoditi ini dan mereka ini memerlukan pembelaan dan perlindungan sewajarnya oleh Kerajaan.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2013

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013

3. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2013

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Yang Berhormat Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** akan mencadangkan:-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersempahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

2. PR-1311-U53624

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa adalah menjadi pengetahuan umum bahawa ramai warga asing di negeri Sabah telah diberikan kewarganegaraan dengan berstatuskan Bumiputera di negeri Sabah, dengan pemberian kad pengenalan Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menangani masalah pemberian kad pengenalan Malaysia kepada warga asing, beberapa orang saksi telah memberikan keterangan bahawa memang terdapat usaha beberapa individu untuk memberikan warga asing kad pengenalan Malaysia dan seterusnya mendaftarkan mereka sebagai pemilih. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dalam pendengaran awam Suruhanjaya Siasatan DiRaja, Suruhanjaya juga diberitahu bahawa terdapat juga individu yang mengambil kesempatan untuk menjual kad pengenalan kepada warga asing. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, dikhabarkan bahawa jumlah warga asing yang telah diberikan kerakyatan telah melepas tiga kali ganda jumlah penduduk asal negeri ini. Dan Dewan ini juga mengambil maklum bahawa kehadiran "warganegara Malaysia baru ini" telah banyak menimbulkan masalah sosial, kesihatan, ekonomi dan keselamatan. Maka, bagi menangani masalah ini, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, gerakan penukaran kad pengenalan baru haruslah dijalankan di negeri Sabah dan setiap permohonan kad pengenalan baru ini hendaklah disokong dengan sijil kelahiran pemohon dan juga ibu bapa pemohon. Dewan ini juga haruslah memutuskan bahawa latar belakang pemohon yang menggunakan sijil pendaftaran lewat kelahiran atau surat akuan hendaklah diteliti rapi agar tidak terdapat unsur-unsur penipuan pendaftaran. Abjad "H" dan angka "12" juga haruslah dimasukkan dalam kad pengenalan yang dikeluarkan bag rakyat Sabah."

(Menteri Dalam Negeri)

3. PR-1311-U53641

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

" Dewan ini mengambil maklum bahawa, sebagaimana yang telah diumumkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, satu gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara akan dijalankan dalam tempoh terdekat. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa pada masa ini daripada 222 kerusi Parlimen yang ada, hanya 56 kerusi sahaja diperuntukkan bagi Negeri-negeri Borneo (Sarawak 31 dan Sabah 25) dan selebihnya 166 kerusi diperuntukkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa tanah Semenanjung Malaysia berkeluasan seluas 131,598 kilometer persegi diperuntukkan sebanyak 166 kerusi (75%) sementara Sarawak dan Sabah dengan keluasan 198,081 kilometer persegi hanya diperuntukkan hanya 56 kerusi(25%). Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa dengan kedudukan geografi dan bentuk muka bumi negeri Sarawak dan Sabah, pengurusan dan pentadbiran di kedua-dua negeri ini agak terbantut, sama ada dari segi suara di Parlimen mahu pun dana yang diperoleh melalui Ahli Parlimen. Dan Dewan ini mengambil maklum bahawa bersandarkan kepada polisi dan semangat Perjanjian Malaysia, Negeri Borneo ini (Sarawak dan Sabah) hendaklah memiliki 1/3 atau sekurang-kurangnya 77 kerusi Parlimen. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa dalam gerakan persempadan semula kawasan pilihan raya yang bakal dijalankan nanti, Negeri Sarawak dan Sabah hendaklah diperuntukkan 1/3 kerusi Parlimen yang bakal dibentuk kelak."

(Perdana Menteri)

4. PR-1311-U53665

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, bahasa memainkan peranan penting dalam berkomunikasi sama ada, ketika belajar, ketika bekerja atau ketika beriadah. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa membolehkan rakyat Malaysia berinteraksi dengan baik sama ada dalam negara mahu pun di peringkat global. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, dalam merangka pelan pendidikan negara, Kerajaan hendaklah mewajibkan semua murid di Sekolah Jenis Kebangsaan mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Inggeris sebagai mata pelajaran wajib sementara di sekolah kebangsaan pula, murid hendaklah mengambil mata pelajaran bahasa pilihan, sama ada bahasa ibunda, Tamil, cina dan lain-lain bahasa."

(Menteri Pendidikan)

5. PR-1311-U53673

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Dewan ini mengambil maklum bahawa, isu Borneonisasi amat dekat di hati rakyat Negeri Sabah dan Sarawak. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, bahawa rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak juga ingin untuk menyumbang dalam pembangunan negara. Dan Dewan ini mengambil maklum juga bahawa, Rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak amat bersyukur kerana telah diberikan banyak peluang dalam menjawat jawatan persekutuan di kedua-dua negeri ini. Dan Dewan ini mengambil maklum juga, masih terdapat banyak ruang di mana rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak dapat diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada pembangunan negara dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Maka, Dewan ini hendaklah mengambil ketetapan bahawa, rakyat Malaysia dari Negeri Sabah dan Sarawak haruslah diberikan peluang untuk berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan."

(Perdana Menteri)

6. PR-1311-U53606

Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil maklum bahawa kebelakangan ini beberapa orang yang telah ditangkap dan ditahan di lokap untuk penyiasatan selanjutnya mati di lokap Polis dan ia adalah di bawah bidang kuasa Polis. Pada masa sekarang pihak Polis sendiri menyiasat salah guna kuasa mereka sendiri ini tidak membawa sebarang keyakinan kepada rakyat. Suatu Badan Kuasa Bebas perlu ditubuhkan seperti yang telah disyorkan supaya siasatan bebas terhadap pihak Polis boleh dilaksanakan. Badan yang dicadangkan adalah "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)". Bahawa Dewan ini mengarahkan Kementerian Dalam Negeri melaksanakan dan menubuhkan "Independent Police Complaints And Misconduct Commission (IPCMC)" dengan segera".

(Perdana Menteri)

7. PR-1311-U53671

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membahaskan dasar dan langkah-langkah yang sentiasa diambil untuk menjaga keutuhan negara Malaysia."

(Menteri Dalam Negeri)

8. PR-1311-U53672

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperdebatkan keadaan jenayah secara menyeluruh di negara ini."

(Menteri Dalam Negeri)

9. PR-1311-U53434

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan Rakyat bersetuju supaya pilihan raya Kerajaan tempatan dipulihkan semula di seluruh negara termasuk pilihan raya Kerajaan Tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menggantikan sistem lantikan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Majlis kerana ia lebih berkesan untuk mewujudkan pentadbiran Kerajaan Tempatan yang adil, cekap dan akauntabiliti berbanding sistem sekarang."

(Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan)

10. PR-1311-U54335

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengambil tindakan terhadap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi serta anggota Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang telah melakukan penipuan dalam PRU-13 dengan menggunakan dakwat kekal yang tidak kekal dan menjadikan PRU-13 sebagai tidak bersih.

"

(Perdana Menteri)

11. PR-1311-U54336

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan perlaksanaan dan operasi AES yang jelas hanya menguntungkan syarikat konsesi dan tidak menyelesai serta tidak mengurangkan kadar kemalangan di Malaysia.

"

(Menteri Pengangkutan)

12. PR-1311-U54337

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memansuhkan dan membatalkan pinjaman pendidikan PTPTN dan menyediakan pendidikan tinggi yang percuma untuk rakyat Malaysia. Pemansuhan PTPTN akan mengelakkan masyarakat Malaysia daripada beban hutang yang berpanjangan."

(Menteri Pendidikan)

13. PR-1311-U54338

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini memastikan Rang Undang - Undang GST mesti ditolak, kerana GST akan menambah beban hidup rakyat. Perlaksanaan GST nanti adalah satu kezaliman pada rakyat Malaysia yang majoritinya berpendapatan rendah dan sederhana."

(Menteri Kewangan)

14. PR-1311-U54339

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini mengutuk sekerasnya kenyataan-kenyataan berbaur perkauman yang dikeluarkan oleh pimpinan parti politik dan media perkauman UMNO/BN seperti menyatakan keputusan PRU-13 adalah tsunami politik Cina dan 'apa lagi cina mau' adalah sesuatu yang tidak boleh diterima dan bertentangan dengan amalan demokrasi."

(Perdana Menteri)

15. PR-1311-U54341

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Parlimen yang bersidang pada hari ini meminta Kerajaan menurunkan harga minyak RON95 dari RM1.90 kepada RM 1.40 bagi meringankan beban hidup rakyat dan membolehkan lebihan pendapatan dalam poket serta mewujudkan pendapatan boleh guna rakyat.

"

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)

16. PR-1311-U53963

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan Malaysian Association of Foreign Maid Agencies (PAPA) untuk menaikkan fi pengambilan pekerja kepada RM6700 oleh majikan dan RM1800 oleh pekerja domestik. Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani Kerajaan Malaysia-Indonesia, yang menetapkan fi tetap pada RM4,511; RM2,711 dibayar oleh majikan dan RM1,800 oleh pekerja domestik jelas menunjukkan agensi pekerjaan mengaut keuntungan yang tinggi melalui pemerdagangan ini. Ia akan membawa kepada tangga gaji yang rendah kepada pekerja domestik untuk sekurang-kurangnya 6-9 bulan. Ianya jua bercanggah dengan Akta Pekerjaan (Artikel 24-8) yang menghalang majikan menolak gaji sehingga 50%. Ia juga bercanggah dengan Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure) di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Manusia di mana sekiranya gaji tidak dibayar untuk tiga bulan atau lebih, maka majikan boleh didakwa kerana eksloitasi."

(Menteri Sumber Manusia)

17. PR-1311-U53965

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] akan mencadangkan:-

"bahawa Dewan ini mendesak agar segala projek pembangunan yang dibina di kawasan Bukit Gasing dihentikan agar hakisan tanah dan penduduk di kawasan pinggir bukit tidak hidup dalam ketakutan setiap kali hujan turun."

(Menteri Wilayah Persekutuan)

18. PR-1311-U54604

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mempertimbangkan cadangan untuk membenarkan keluarga mangsa yang mati dalam tahanan Polis Diraja Malaysia, memperoleh pakar perubatan forensik sendiri bagi menjalankan bedah siasat."

(Menteri Dalam Negeri)

19. PR-1311-U54605

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak agar pendidikan agama diperkenalkan di sekolah kepada pelajar bukan Islam sebagai langkah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan keagamaan di kalangan pelajar bukan Islam di dalam membendung gejala sosial yang kian meningkat dan berleluasa akibat daripada kegagalan sistem pendidikan di Malaysia."

(Menteri Pendidikan)